

09 AUG 2003

Mahathir-Sukan

PM MAHU RAKYAT CEBURI SUKAN BAGI BINA GENERASI CEMERLANG

MELAKA, 9 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggajak rakyat menceburi bidang sukan bukan sahaja sebagai riadah tetapi untuk membina generasi cemerlang menerusi kejayaan dalam pertandingan.

Perdana Menteri berkata selain itu, sukan juga melatih untuk membina disiplin serta semangat berusaha keras.

"Bagi generasi muda menceburi bidang sukan bererti mampu menghadapi cabaran serta melatih diri mengatasi tekanan," katanya berucap merasmikan majlis penutup Kejohanan Badminton Piala Perdana kali ke-18, di Stadium Mini Bestari di Ayer Keroh di sini hari ini.

Antara yang turut hadir ialah isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmud, Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam serta menteri-menteri kabinet dan menteri besar.

Dr Mahathir berkata sukan juga merupakan satu jenis latihan kecekapan untuk bermain dengan baik bagi mencapai kejayaan serta bergerak dalam satu pasukan.

"Sukan membentuk peribadi khusus kepada golongan muda untuk berjuang menghadapi cabaran dan mengatasi cabaran," katanya.

Dr Mahathir berkata kejayaan perenang maraton negara Abdul Malik Mydin menyeberangi Selat Inggeris, Ahad lepas menjadi satu contoh.

"Ini satu bukti jika seseorang itu banyak berlatih dan betul-betul mempunyai semangat, mampu menghadapi tekanan yang besar walaupun dalam keadaan air yang sejuk," katanya.

Perdana Menteri berkata oleh itu rakyat boleh membuktikan kesungguhan dalam apa juga acara sukan yang diceburi untuk berjaya seperti yang ditunjukkan oleh Abdul Malik, pelayar Datuk Azhar Mansor dan juga mereka yang telah mencapai kejayaan.

Mengenai kejohanan itu, beliau berkata ia akan diteruskan oleh pemimpin selepasnya kerana ia berjaya memupuk semangat serta merapatkan hubungan antara isteri-isteri pemimpin negara di peringkat negeri dan persekutuan.

Secara berseloroh, Dr Mahathir mengharapkan selepas tahun 2004, kejohanan itu akan turut disertai oleh pasukan dari Terengganu dan Kelantan sekiranya negeri itu diperintah semula oleh Barisan Nasional (BN).

"Banyak nikmat kalau sokong BN, antaranya ialah (wakil dari Terengganu dan Kelantan) menyertai kejohanan seperti ini," katanya.

Sebanyak 12 kontingen negeri menyertai kejohanan selama empat hari itu yang bermula Rabu lepas.

-- BERNAMA

SBS NO MOZ